

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH : 13 JANUARI 2016

KERATAN AKHBAR

10 | **Setempat** RABU
13 JANUARI 2016 **Harian Metro**



SEORANG peniaga menebelah buah kelapa untuk dijual kepada pelanggan bagi menghalangkan dahaga akibat fenomena panas melampau.

ORANG awam membuat pemeriksaan kesihatan berkaitan cuaca panas melampau.

Kemuncak El Nino bulan ini

27 HARI TANPA HUJAN

Langkawi kawasan paling terjejas akibat panas melampau

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Langkawi kawasan paling terjejas akibat fenomena El Nino selepas tidak menerima taburan hujan sejak 27 hari lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail berkata, selain Langkawi, kawasan Arau, Kubang Pasu dan Sik turut terjejas selepas 13 hari tidak menerima hujan manakala Prai, Pulau Pinang dan Lubuk Merbau, Kedah mencatatkan suhu tertinggi di negara ini iaitu 36 darjah Celsius setakat semalam.

"Selain itu, Alor Setar dan Felda Chuping turut mencatatkan suhu tertinggi di

Malaysia iaitu 37.6 darjah Celsius sejak Isnin lalu seterusnya beberapa daerah di utara Semenanjung mula mencatatkan suhu tinggi iaitu Butterworth (36.7 darjah Celsius); Ipoh (36.2); Langkawi (36.2) dan Prai (36.2).

"Taburan hujan di seluruh negara dijangka berkurangan antara 20 hingga 60 peratus terutama negeri di utara Semenanjung," katanya kepada Harian Metro di sini, semalam.

Menurutnya, cuaca panas itu akan berterusan sehingga April dan kesan El Nino akan mula dirasai di seluruh Semenanjung, Sabah dan Miri serta Limbang, Sarawak pada hujung bulan ini.

Che Gayah berkata, fenomena El Nino bukan lagi asing bagi masyarakat negara ini, malah mengikut

rekod dilaporkan pernah melanda Malaysia sebanyak 12 kali iaitu sejak 1951-1952 dan kejadian paling teruk ialah pada 1997-1998 dengan suhu tertinggi 40.1 darjah Celsius direkodkan di Stesen Meteorologi Chuping, Perlis pada 9 April 1998.

"Fenomena El Nino memabatkan perubahan tekanan atmosfera dan suhu lautan terutama di Lautan Pasifik dan laut meningkat di bahagian timur Lautan Pasifik iaitu di perairan Colombia, Ecuador dan Peru disebabkan kemusnahan arus panas dari bahagian tengah dan barat Lautan Pasifik," katanya.

Katanya, El Nino akan membawa jumlah hujan yang sangat tinggi di kawasan tertentu di benua Amerika, Asia Timur dan Asia Selatan dengan lazimnya akan menyebabkan banjir manakala kawasan seperti selatan benua Afrika, utara Australia, Indonesia dan Malaysia akan mengalami kemarau disebabkan cuaca panas dan kering yang melampau.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, fenomena El Nino yang menyebabkan cuaca kering dan peningkatan suhu berpotensi menyebabkan virus denggi disebarkan dengan cepat.

"Cuaca panas akan mempengaruhi tabiat pergerakan nyamuk dan penyebaran virus denggi.

"Malah, peningkatan suhu akan menyebabkan nyamuk lebih aktif menggigit dan tempoh replikasi virus akan menjadi lebih singkat sehingga berpotensi menyebabkan virus disebarkan dengan lebih cepat," katanya.

SEORANG pesawah di Parit Gabis, Bagan Serai melihat keadaan sawah yang kering dan mula merekah.

KAKITANGAN Majlis Perbandaran Seremban membasuh muka ketika bekerja dalam keadaan bahang.



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 13 JANUARI 2016

KERATAN AKHBAR

Harian Metro RABU 13 JANUARI 2016 **Setempat** 11

SEORANG pesawah membakar jerami padi selepas menuai untuk memulakan pembajakan.

SUAMI isteri mengutip ikan getama yang dijemu di Kampung Ulu, Kuala Kedah.

PENJAGA kerbau memandikan kerbau di dalam empangan air di kampung.

Bekalan air mencukupi

Kuala Lumpur: Bekalan air di seluruh negara masih mencukupi dan terkawal walaupun berdepan cuaca panas akibat fenomena El Nino yang dijangka berterusan sehingga Mac depan.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Datuk Ismail Kasim berkata, setakat ini, pihaknya tidak menerima laporan kekurangan bekalan asas itu, malah keperluan air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan dalam keadaan terkawal.

"SPAN juga sudah meminta operator air di semua negeri supaya memantau rapi keadaan di empangan dan sungai yang membekalkan sumber air mentah ke loji rawatan air.

"Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk memastikan sumber air di negeri masing-masing mencukupi untuk memenuhi keperluan bahan asas itu kepada pengguna," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, cuaca panas akibat fenomena El Nino ketika ini juga boleh menyebabkan pengurangan jumlah hujan antara 20 hingga 60 peratus.

"Sehubungan itu, adalah lebih baik sekiranya kerajaan negeri turut mengkaji sumber alternatif seperti air bawah tanah dan kolam takungan bagi menambah sumber dan bukannya hanya bergantung kepada sumber air di empangan dan sungai

"Pengguna juga dinasihatkan supaya mengamalkan sikap berhemah menggunakan air dengan tidak membazir supaya sumber air yang akan dapat bertahan lebih lama," katanya.

ORANG awam membuat pemeriksaan kesihatan di Klinik Kesihatan Sekyen 7, Shah Alam.

Info
KESAN EL NINO

- Apabila El Nino melanda, kegiatan harian manusia terjejas teruk dan secara tidak langsung memberi kesan kepada ekonomi
- Dari segi pertanian, kemarau menjejaskan pengeluaran padi, buah-buahan serta sayur-sayuran yang banyak bergantung kepada air
- Malah, industri kelapa sawit di rantau ini yang juga pengeluar terbesar di dunia boleh terjejas sehingga 15 peratus sekiranya El Nino berpanjangan
- El Nino juga boleh menjejaskan ekosistem marin dengan memusnahkan plankton selaku makanan utama kepada hidupan laut, sekali gus menjejaskan industri perikanan dan sumber
- Musim kering menyebabkan penyusutan air ketara di kawasan tadahan air seperti empangan, tasik dan kolam disebabkan kadar sejatan yang tinggi dan tiada hujan
- Pada 1998, sebanyak 4.2 juta pengguna di Lembah Klang terpaksa berkongsi 2,533 liter sehari tetapi kali ini, lebih 7.1 juta pengguna berkongsi 4,367 juta liter sehari
- Selain denggi, penyakit lain seperti taun, untut dan malaria boleh merebak disebabkan peningkatan suhu